

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 2, Halaman 1-12

Elemen *Tahrīr Qirā'āt* Berpandukan Definisi Ilmu *Tahrīrāt Al-Qirā'āt* Oleh Sarjana Terawal Dan Kontemporari

Elements of Tahrir Qiraat Based on the Definition of Tahrirat Al-Qiraat by Early and Contemporary Scholars

Wan Muhammad Hafizuddin W. A. Halim ^{1*}, Sedek Ariffin, ² & Abdul Jalal Abdul Manaf ³

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.

² Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

³ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.

* Corresponding Author: Wan Muhammad Hafizuddin W. A. Halim. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, hafizuddin@fsk.upsi.edu.my, 0132002068, 0000-0003-2612-7037.

Artikel dihantar: 22 Oktober 2024

Artikel diterima: 10 Disember 2024

Artikel diterbit: 30 Disember 2024

ABSTRACT

*This study analyzes 26 Tahrirat al-Qiraat definition texts expressed by past and contemporary scholars to identify the meaning of Tahrir Qiraat, its objectives and elements. The study also brings examples of the application of tahrir Qiraat from selected works of Tahririt al-Qiraat that are parallel to the elements of tahrir Qiraat that have been identified. This study is qualitative through the analysis of 26 definitional texts expressed by 22 scholars and the textual analysis of selected authoritative works in Tahrirat al-Qiraat. The results of the analysis found that the meaning of tahrir Qiraat is the research, evaluation, review and correction of the methods of reading Qiraat, its narrations, the lines of its tariq and ways of presenting the practical reading of the Qur'an from the occurrence of errors, defects and ambiguities aimed at avoiding the occurrence of 'tarkib' (duplication of reading lines). The study also found six elements of tahrir Qiraat which are proven to be implemented in the works of Tahririt al-Qiraat such as al-Mansuri, al-Azmiri, al-Mutawalli and al-Dabba'. This study shows that the definition of *Tahrīrāt al-Qirā'āt* is comprehensive and contains the elements of *tahrīr qirā'āt* in addition to proving its parallelism with its implementation in the definitive works of *Tahrīrāt al-Qirā'āt*.*

Keywords

tahrirat; al-Qiraat; tahrir; definition

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis 26 teks definisi terminologi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* yang dikemukakan oleh para sarjana silam dan kontemporer bagi mengenalpasti maksud *tahrīr qirā'āt*, objektif dan elemen-elemennya. Selain itu, kajian ini turut mendatangkan contoh-contoh aplikasi *tahrīr qirā'āt* daripada karya-karya ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* terpilih yang selari dengan elemen-elemen *tahrīr qirā'āt* yang telah dikenalpasti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis 26 teks definisi yang dikemukakan oleh 22 orang sarjana dan analisis teks karya-karya terpilih yang muhtabar dalam ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt*. Hasil analisis menunjukkan maksud *tahrīr qirā'āt* adalah penelitian, penilaian, penyemakan dan pembetulan terhadap kaedah-kaedah bacaan *qirā'āt*, riwayat-riwayatnya, jalur-jalur *tariq*nya dan cara-cara mempersembahkan bacaan al-Quran agar terhindar daripada berlakunya kesalahan, kecacatan dan kekeliruan, sekali gus mengelakkan daripada berlakunya *tarkib* (pertindihan jalur bacaan). Kajian ini juga mendapati sebanyak enam elemen utama dalam *tahrīr qirā'āt* yang terbukti implimentasinya berdasarkan karya-karya terpilih seperti tulisan al-Mansuri, al-Azmiri, al-Mutawalli dan al-Dabba'. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa definisi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* adalah komprehensif, merangkumi pelbagai perbincangan ilmiah, dan menunjukkan keselarasan antara unsur-unsur *tahrīr qirā'āt* dengan penerapannya dalam karya-karya muhtabar dalam bidang ini.

Keywords

tahrirat; al-Qiraat; tahrir; definisi

How to Cite: Wan Abd Halim, W. M. H., Ariffin, S., & Abdul Manaf, A. J. . (2024). Elemen Tahrīr Qirā'āt Berpandukan Definisi Ilmu Tahrīrāt Al-Qirā'āt Oleh Sarjana Terawal Dan Kontemporer: Elements of Tahrir Qiraat Based on the Definition of Tahrirat Al-Qiraat by Early and Contemporary Scholars. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporer*, 7(2), 1–12.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i2.87>

1.0 PENDAHULUAN

Ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* merupakan salah satu cabang ilmu *Qirā'āt* yang memfokuskan penelitian terhadap kaedah bacaan *qirā'āt*, riwayat-riwayat dan jalur-jalur *tariq* dari pelbagai perspektif. Antara objektif utamanya adalah untuk mengelakkan berlakunya *tarkib* (pertindihan jalur bacaan) semasa sesi *talaqqi* dan *tilawah* (al-Azmiri, 2006). Antara aspek utama dalam penelitiannya adalah membezakan, meneliti, dan memperjelaskan kesamaran dalam bacaan *qirā'āt*, periwayatan, serta *ṭuruq* bagi mengelakkan *tafṭiq*, di samping mengesan bacaan yang lemah dan salah, serta memperincikan makna-makna umum dalam matan (Ihab Fikri, 2010).

Wacana ilmu ini mula berkembang pasca era Imam Ibn al-Jazari (w. 833H), dengan kemunculan ramai sarjana *tahrīrāt* yang dikenali sebagai *al-muharrirūn*, yang menghasilkan karya-karya yang terus dirujuk hingga ke hari ini seperti Muḥammad al-‘Awfī (wafat sekitar 1050H), Sulaymān al-Manṣūrī (w.1134H), Mustafa al-Azmīrī (w.1156H). Mereka merupakan generasi sarjana kurun ke-12H yang memainkan peranan penting dalam merencanakan perkembangan ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* melalui penghasilan karya-karya khusus dalam *Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* dan *Tahrīrāt al-Ṭayyibah*. (al-Mutawalli, 2006)

Kurun ke-13H dan 14H menyaksikan kemunculan Muhammad al-Mutawallī (w.1313H/1895M), Khalaf al-Ḥusaynī (w.1342H), Hilālī al-Ibyārī (wafat sekitar 1331H), al-Khalījī (w.1389H), Ali al-Ḍabbā' (w.1380H) dan tokoh-



tokoh lain yang mana sebahagian daripada mereka mempunyai *manhaj* yang tersendiri yang tidak terikat dengan generasi sebelumnya (al-Zayyat, 2012).

Seterusnya, tokoh-tokoh seperti, al-Zayyāt (w.1424H), al-Samannūdī (w.1429H), ‘Āmir al-Sayyid ‘Uthmān (w.1429H), Ihāb Ahmad Fikrī, Tamīmī al-Zu’bī, al-Dawsarī dan lain-lain merupakan sarjana terkini yang aktif dalam usaha memperkembangkan ilmu melalui penyelidikan dan penulisan.

Seiring dengan perkembangannya, para sarjana terdahulu dan terkini dalam bidang ini berusaha memberikan definisi terminologi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* yang komprehensif mencakupi perbahasan ilmu tersebut. Definisi-definisi oleh para sarjana telahpun dihipunkan oleh Khalid Hasan Abu al-Jud (2006) dalam kajiannya daripada sekitar 10 orang sarjana. Kekurangan kajian Khalid Abu al-Jud adalah dari sudut kuantiti definisi yang dihipunkan yang mana terdapat sejumlah definisi sarjana lain yang tidak dimuatkan dalam kajian tersebut. Tambahan pula, beliau tidak menyentuh perbahasan tentang elemen-elemen *tahrīr qirā’āt* yang terkandung dalam setiap definisi.

Kajian Wan Muhammad Hafizuddin et.al (2022) pula menghimpunkan 26 teks definisi daripada 22 orang sarjana silam dan terkini dan menterjemahkan setiap definisi ke bahasa Melayu. Namun, kajian ini hanya terhad kepada mengeluarkan elemen *tahrīr qirā’āt* yang terkandung di dalam setiap definisi tanpa menganalisis dan membuat penilaian serta rumusan lanjut tentang perbandingan setiap definisi dari sudut elemen *tahrīr qirā’āt* yang terkandung di dalamnya.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- (1) Mengkaji maksud dan objektif *tahrīr qirā’āt* berpandukan 26 teks definisi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* oleh sarjana silam dan kontemporari.
- (2) Mengenalpasti elemen *tahrīr qirā’āt* yang terkandung di dalam 26 teks definisi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* oleh sarjana silam dan kontemporari.
- (3) Mengemukakan contoh aplikasi setiap elemen *tahrīr qirā’āt* daripada karya-karya ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* terpilih.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini sepenuhnya berbentuk penyelidikan kualitatif melalui kaedah analisis 26 teks definisi sarjana *qirā’āt* dan *Tahrīrāt al-Qirā’āt* silam dan kontemporari dengan cara membuat perbandingan antara semua 26 teks definisi dan seterusnya mengenalpasti ungkapan-ungkapan definisi yang menjurus kepada maksud *tahrīr qirā’āt*, objektif dan elemennya yang terkandung di dalamnya. Seterusnya, kajian ini juga mengklasifikasikan ungkapan-ungkapan definisi berdasarkan persamaan ciri dan tema tertentu kepada tiga aspek iaitu: 1) Maksud *tahrīr qirā’āt*. 2) Objektif *tahrīr qirā’āt*. 3) Elemen *tahrīr qirā’āt*. Setiap elemen *tahrīr qirā’āt* yang telah dikenalpasti akan dikemukakan contoh aplikasi oleh para sarjana yang bersumberkan daripada mana-mana empat karya utama ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* iaitu karya *Tahrir al-Turuq wa al-Riwayat* oleh al-Mansuri, *Badai’ al-Burhan* oleh al-Azmiri, *al-Raudh al-Nadhir* oleh al-Mutawalli, *Mukhtasar Bulugh al-Umniyyah* oleh al-Dabba’.

4.0 TEKS DEFINISI ILMU TAHRIRĀT AL-QIRĀ’ĀT

Berikut adalah senarai 26 teks definisi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt* (Wan Muhammad Hafizuddin, 2022):

Jadual 1: Senarai 26 Teks Definisi Ilmu *Tahrīrāt al-Qirā’āt*

Bil.	Pendefinisi	Teks Definisi
1	al-Azmiri	التدقيق في القراءات وتقومها والعمل على تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة وعدم خلط رواية بأخرى
2	al-Mutawalli	أن التحرير هنا أي في علم القراءات هو تخلص الأوجه من التركيب
3	al-Dabba'	تحرير المسائل هو تخلصها من الخطأ
4	al-Samannudi	حده يبين صحيحا أو يفصل مجملا
5	Abd al-Raziq Musa	تنقيح القراءة من أي خطأ أو خلل كالتركيب مثلا
		تنقيح القراءة من أي خطأ أو غموض، فهي بذلك تمنع التركيب في القراءات، وتمنع خلط الروايات بعضها ببعض، وتمنع إسناد القراءة لغير قارئها
		فالتدقيق في القراءات وتقومها والعمل على تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة وعدم خلطها برواية أخرى
6	Abd al-Basit Hashim	تنقيح القراءة القرآنية وتهديبها، وذلك من حيث إثبات ما منع ومنع ما أثبت خطأ أو تعديل قراءة أو زيادة عليها
7	Ali al-Nahhas	علم التحريرات هو العلم الذي يبحث في أسانيد الطرق عن الرواة وعزو أوجه القراءة إلى ناقلها حتى لا يتم تركيب بسبب خلط طريق بطريق أو إسناد قراءة لغير ناقلها
8	al-Dawsari	تخلص القراءات المختلف فيها من التركيب، وذلك بنسبة الطرق إلى أصحابها
9	Ihab Fikri	ضبط عزو المرويات إلى الطرق التي وردت منها حيث لا ينسب حرف لغير من ورد عنه
		هو الاجتهاد بالبحث والتحري لوضع تقييدات لما أطلقه الإمام ابن الجزري في طبيته من أوجه للقراءة وذلك طبقا للطرق التي أسند منها القراءات، وببساطة فالتحريرات هي منع أوجه للقراءة يفيد ظاهر الطيبة جوازها
10	Khalid Hasan Abu al-Jud	هو علم يبحث في تنقيح القراءة القرآنية التي ذكرت في كتاب النشر وتهديبها وتخلص القراءات المختلف فيها من التركيب، وذلك بنسبة الطرق إلى أصحابها بحيث لا ينسب حرف لغير من ورد عنه
11	Jamal al-Din Sharaf	تنقيح القراءة، وتهديبها، وعدم خلط الروايات بعضها ببعض، فهي تسند الوجه لصاحبها
12	al-Zu'bi	تمييز الأوجه الواجبة المختلف فيها عن الراوي بناء على عزوها إلى طرق ذلك الراوي وتخلصها من التركيب والخلط
13	Ibrahim al-Jarmi	التدقيق في القراءات المروية وتقومها، وتمييز كل رواية على حدة، وتتبع أوهام العلماء القراء في كتبهم ومنظوماتهم
		فتحرير الشاطبية أو الطيبة أو الدرّة مثلا، إنما يكون بتفصيل ما أجملته تلك المنظومات وتقييد مطلقها أو التنبيه على الأوجه الضعيفة أو الخارجة عن الطرق التي ألزم المؤلف نفسه بها
14	al-Sha'bani	التدقيقات في الأوجه المذكورة لكل قارئ لمعرفة ما يقبل منها وما لا يقبل، وما يصح تركيبه على غيره وما يمتنع
15	Sa'ied Abd al-Mu'ti	علم يبين صحيح الطرق وضعيفها ويخلص الطرق والأوجه من التركيب
16	Al-Salim al-Jakni	هو الذي يعزى أوجه القراءات إلى طرقها ومصنفاتها في دقة متناهية مع بيان الجائز منها والممنوع حال الإقراء
17	Abdul Qayyum al-Sindi	علم بتمييز القراءات وتنقيح الروايات وتهديب الطرق والتحري بالدقة في صحة عزوها لناقلها بعرضها على مصادرها الأصلية منعاً للتركيب والتلفيق
18	Muqsim Mukhtar	هو علم يبحث في تنقيح القراءات القرآنية وتهديبها وتخلص القراءات المختلف فيها من التركيب، وذلك بنسبة الطرق إلى أصحابها
19	Sami Abd al-Shakur	هو التدقيق في القراءات، وتمييز كل رواية على حدة، بعزوها لطرقها الصحيحة، وعدم خلط رواية بأخرى

QIRAAT Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari e-ISSN : 2636-9591 		
20	Faridah Sekiou	إن التحريات هي عملية التحقيق والتدقيق في طرق القراءات، ورواياتها وطرقها وأوجهها الواردة في الآية، أو اللفظة القرآنية، أو في كفاءات الأداء، وتحرير الصحيح منها عن غيره، أي تمييزه منها، وعزوها لنقلها، احترازاً عن اختلاط بعضها ببعض في الأداء وتجنباً للتلفيق والتركيب بينها
21	Ahmad Muflih al-Qudhah	فالتدقيق في القراءات وتقومها والعمل على تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة وعدم خلطها برواية أخرى
22	Bashir Ahmad Di'bis	التحرير: هو مراعاة تمييز كل رواية على حدة من طرقها الصحيحة مع عدم خلط هذه الروايات أو الطرق بعضها ببعض أثناء القراءة مع عزو كل وجه إلى قارئه منعاً للتركيب

Teks definisi terminologi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* yang terkumpul dalam kajian Wan Muhammad Hafizuddin et.al (2022) berjumlah 26 definisi berdasarkan daripada pandangan 22 sarjana. Sebahagian kecil pendefinisi hidup sekitar abad ke-18, 19 dan 20 yang boleh dikategorikan sebagai sarjana silam. Manakala sebahagian besar mereka berada di abad ke-21 yang dianggap sebagai sarjana kontemporari.

Tiga orang sarjana dari sarjana silam iaitu Mustafa al-Azmiri (w.1156H/1743M), Muhammad al-Mutawalli (w.1313H/1895M), Ali al-Dabba' (w.1380H/1961M). Manakala 19 orang sarjana berbaki adalah dari kontemporari. Seramai dua orang daripada mereka iaitu Ibrahim bin Ali al-Samannudi (w.1429H/2008M) dan Abd al-Raziq Musa (w.1429H/2008M) telah meninggal dunia. Manakala 17 orang yang lain masih hidup iaitu Dr Abd al-Basit Hashim, Dr Ali bin Muhammad bin Taufiq al-Nahhas, Dr Ibrahim bin Sa'ied al-Dawsari, Dr Ihab Ahmad Fikri, Dr Khalid Hasan Abu al-Jud, Jamal al-Din Muhammad Sharaf, Muhammad al-Tamimi al-Zu'bi, Dr Ibrahim Muhammad al-Jarmi, Muhammad bin 'Id al-Sha'bani, Sa'ied bin Yahya Abd al-Mu'ti, Dr al-Salim Muhammad al-Jakni, Dr Abd al-Qayyum bin Abd al-Ghafur al-Sindi, Muqsim Mukhtar, Dr Sami Sa'ied Abd al-Shakur, Dr Faridah Sekiou, Ahmad Muflih al-Qudhah dan Dr Bashir Ahmad Di'bis.

Semua sarjana ini masing-masing mendatangkan satu definisi, melainkan tiga orang sarjana iaitu Abd al-Raziq Musa, Ihab Fikri dan al-Jarmi yang membawakan lebih daripada satu definisi. Abd al-Raziq Musa membawakan tiga definisi dan masing-masing dua definisi daripada Ihab Fikri dan al-Jarmi (Wan Muhammad Hafizuddin, 2022).

5.0 MAKSUD *TAHRĪR QIRĀ'ĀT* BERPANDUKAN DEFINISI

Maksud *tahrir* dari sudut bahasa disimpulkan oleh Sabri dan Mohamad Nurudin (2018) sebagai penelitian, penjelasan, pembersihan, penyemakan, penyaringan dan pengasingan. Berdasarkan maksud ini, apabila perkataan *tahrir* digabungkan dengan *qirā'āt* ia membawa maksud penelitian, penilaian, penyemakan dan pembetulan terhadap bacaan *qirā'āt*. Hal ini selari dengan beberapa ungkapan yang terkandung dalam beberapa teks definisi iaitu seperti berikut:

1. (التدقيق في القراءات) Penelitian atau pengesahbetulan terhadap bacaan *qirā'āt*. Ungkapan ini dinyatakan oleh al-Azmiri, Abd al-Raziq Musa, Muflih al-Qudhah, Sami Abd al-Shakur, Ibrahim al-Jarmi, dan Muhammad al-Sha'bani. Faridah Sekiou turut mengungkapkan maksud yang sama tapi menambah perkataan '*tahqiq*' (التحقيق) di samping '*tadqiq*'.
2. (تنقيح القراءة القرآنية) Penyemakan atau penyuntingan terhadap *qirā'āt* al-Quran. Dinyatakan oleh Abd al-Basit Hashim, Khalid Hasan Abu al-Jud, Muqsim Mukhtar dan Jamal al-Din Sharaf.
3. (تقويم القراءات) Penilaian atau pembaikian terhadap bacaan *qirā'āt*. Ungkapan ini dinyatakan oleh al-Azmiri, Abd al-Raziq Musa, Muflih al-Qudhah dan Ibrahim al-Jarmi.



4. (تخذيب القراءة القرآنية) Pembetulan atau pelurusan terhadap *qirā'āt* al-Quran. Ungkapan ini dinyatakan oleh Abd al-Basit Hashim, Khalid Hasan Abu al-Jud, Muqsim Mukhtar, Abd al-Qayyum al-Sindi dan Jamal al-Din Sharaf.

Faridah Sekiou (2016) memperincikan konteks penelitian terhadap *qirā'āt* iaitu merangkumi jalur-jalur bacaan *qirā'āt*, riwayat-riwayatnya, jalur-jalur tariqnya dan kaedah-kaedah bacaannya yang terdapat dalam sesuatu ayat atau kalimah al-Quran, atau terhadap cara-cara merpersembahkan/praktikal bacaan al-Quran yang disebut sebagai '*kayfiyyat al-ada'*'.

Aspek penyemakan atau penyuntingan bacaan diperincikan oleh Abd al-Raziq Musa (2008) dengan menyatakan aspeknya adalah dari sudut kesalahan (خطأ), kecacatan (خلل) dan kesamaran (غموض) bacaan *qirā'āt*. Manakala Abd al-Qayyum al-Sindi menyatakan ia merangkumi riwayat-riwayat bacaan (تنقيح الروايات). Abd al-Qayyum al-Sindi memfokuskan pembetulan bacaan *qirā'āt* dari sudut jalur-jalur tariq (الطرق).

Berdasarkan perincian di atas, dapat difahami bahawa *tahrīr qirā'āt* membawa maksud penelitian, penilaian, penyemakan dan pembetulan terhadap bacaan *qirā'āt* yang meliputi kaedah-kaedah bacaan *qirā'āt*, riwayat-riwayatnya, jalur-jalur tariqnya dan cara-cara merpersembahkan praktikal bacaan al-Quran daripada berlakunya kesalahan, kecacatan dan kesamaran.

Tahrīr qirā'āt menjadi objektif utama dan ditonjolkan dalam mana-mana penulisan karya-karya *Tahrīrāt al-Qirā'āt* seperti karya *Tahrir al-Turuq wa al-Riwayat* oleh al-Mansuri, *Badai' al-Burhan dan Umdah al-Ahkam* oleh al-Azmiri, *al-Raudh al-Nadhir* oleh al-Mutawalli, *Mukhtasar Bulugh al-Umniyyah* oleh al-Dabba' dan lain-lain. Sebahagian karya-karya ini, membuat penelitian, semakan dan penilaian semula terhadap bacaan *qirā'āt* lengkap untuk 30 juz al-Quran seperti mana karya al-Mansuri (2012) dan al-Azmiri (2006).

Setiap ayat al-Quran diteliti wajah *qirā'āt*nya dengan mengemukakan senarai wajah yang boleh dibaca dan sebaliknya oleh imam atau perawi tertentu. Sebagai contohnya dapat dilihat dalam karya al-Mansuri ketika memperincikan wajah-wajah bacaan yang dibenarkan untuk *qirā'āt* Abu Amr pada ayat dua Surah al-Baqarah. Beliau menyatakan boleh dibaca dengan tiga wajah sahaja iaitu *Izhar + Tark al-Ghunnah*, *Izhar + al-Ghunnah*, *Idgham + Tark al-Ghunnah*. Penelitian ini penting bagi mengelakkan pembaca membaca wajah selainnya yang mana secara zahirnya ayat ini terdapat kemungkinan untuk dibaca dengan wajah keempat iaitu *Idgham + al-Ghunnah*. (al-Mansuri, 2012)

Contoh lain dapat dilihat dalam karya al-Dabba' yang mendatangkan elemen penelitian kaedah bacaan dalam pelbagai aspek secara terperinci terhadap sesuatu kalimah yang tidak dijelaskan aspek bacaan dan susunannya oleh al-Shāṭibī dalam *al-Hirz*. Ia meliputi penjelasan kaedah bacaan apabila diwaṣal, diwaqafkan atau diibtidā'kan, penjelasan kaedah bacaan kalimah-kalimah yang dikecualikan daripada mengikut kaedah *uṣūl* dan perincian kaedah bacaan asas kalimah dan perbahasan yang tidak dinyatakan secara jelas oleh al-Shāṭibī. (Wan Muhammad Hafizuddin, 2016). Para sarjana lain seperti 'Abd al-Rāziq Mūsā (2008) dan Ayman Baqlah (2009) turut menggariskan beberapa bentuk *tahrīr qirā'āt* yang diaplikasikan seperti penjelasan makna *bayt*, penyusunan *uruq* dan kaedah bacaan serta penyaringan kaedah bacaan lemah dan ditegah.



6.0 OBJEKTIF *TAHRĪR QIRĀ'ĀT* BERPANDUKAN DEFINISI

Objektif utama *tahrīr qirā'āt* adalah penghindaran bacaan *qirā'āt* daripada unsur-unsur *tarkib* iaitu pertindihan bacaan antara satu jenis *qirā'āt* dengan *qirā'āt* yang lain dalam satu bacaan tanpa mengulang kembali kaedah-kaedah bacaan yang berbeza antara jenis-jenis *qirā'āt* tersebut.

Objektif ini dinyatakan dalam beberapa teks definisi oleh al-Dawsari, Khalid Hasan Abu al-Jud dan Muqsim Mukhtar dengan ungkapan (تخليص القراءات المختلف فيها من التركيب). Sarjana lain seperti Abd al-Raziq Musa, Abd al-Qayyum al-Sindi, Faridah Sekiou, Ahmad Di'bis dan al-Nahhas turut mengungkapkannya dengan maksud yang hampir sama.

Penghindaran *tarkib* ini terbahagi kepada dua aspek. Pertama, aspek wajah-wajah *qirā'āt* sebagaimana dinyatakan oleh al-Mutawalli, al-Zu'bi dan Sa'ied Abd al-Mu'ti dengan ungkapan (تخليص الأوجه من التركيب). Kedua, aspek jalur-jalur tariq sebagaimana dinyatakan oleh Sa'ied Abd al-Mu'ti dengan ungkapan (يخلص الطرق من التركيب).

Terdapat sarjana lain yang menggunakan perkataan *khalaf* yang juga membawa maksud yang sama dengan *tarkib* seperti Muhammad al-Zu'bi dengan ungkapan, Abd al-Raziq Musa Jamal al-Din Sharaf dengan ungkapan (منع خلط الروايات). Manakala al-Azmiri, Abd al-Raziq Musa, Muflih al-Qudhah, Sami Abd al-Shakur, Faridah Sekiou, Ahmad Di'bis dengan ungkapan (عدم خلط رواية بأخرى). Kesemua mereka dilihat memfokuskan *khalaf* antara riwayat, kecuali Ahmad Di'bis beliau memasukkan sekali *khalaf* dalam jalur (عدم خلط الطرق).

Selain perkataan *tarkib* dan *khalaf*, perkataan *talfiq* turut diungkapkan oleh sebahagian kecil sarjana seperti Abd al-Qayyum al-Sindi, Faridah Sekiou, Ahmad Di'bis yang bermaksud rekayasa jalur bacaan yakni sesuatu bacaan baharu yang terhasil daripada pertindihan jalur yang tidak diriwayatkan. Objektif penghindaran *qirā'āt* daripada *tarkib* ini selari dengan pernyataan Ibn al-Jazari (2002) yang menyatakan bahawa tujuan dinyatakan semua *tarīq* dengan bersandarkan karya-karya *qirā'āt* ialah supaya tidak berlaku sebarang pertindihan. *Tarkib* dalam bacaan *qirā'āt* merupakan isu yang menjadi perbincangan dalam kalangan ulama dan mereka telah mengisyaratkan supaya menghindarinya *Tarkib* dalam *riwayah* adalah dilarang sebagaimana pandangan Ibn al-Jazari dan lain-lain. Namun, ketika tilawah (pembacaan) terdapat pandangan yang memberi keringanan kepada orang awam, tetapi menghukumkan aib untuk ahli *qirā'āt*. (Wan Muhammad Hafizuddin, 2021)

7.0 ELEMEN *TAHRĪR QIRĀ'ĀT* YANG TERKANDUNG DALAM DEFINISI

Elemen *tahrīr qirā'āt* bermaksud bentuk atau sudut penelitian, penilaian, penyemakan dan pembetulan terhadap bacaan *qirā'āt* dari sudut status pengamalan wajah-wajah bacaannya, kesahihan penyandaran riwayat dan tariq pada ayat-ayat al-Quran sama ada ketika bacaan jamak atau ifrad.



Hasil analisis terhadap kandungan 26 teks definisi, pengkaji mendapati terdapat enam elemen *tahrīr qirā'āt* iaitu seperti di bawah.

Pertama: Penjelasan Tentang Bacaan *Qirā'āt* dan *Tarīq* Yang Sahih

Elemen ini dinyatakan oleh al-Samannudi dan Faridah Sekiou secara umum dengan ungkapan (بين صحيحا). Sa'ied Abd al-Mu'ti memfokuskannya kepada penjelasan kesahihan jalur tariq dengan ungkapan (بين صحيح الطرق).

Contoh aplikasinya dalam karya-karya *tahrirat* dapat dilihat melalui penjelasan al-Mansuri tentang kesahihan wajah *Qasr Mufasil + Sukun Mim Jamak* pada ayat 4 Surah al-Baqarah untuk riwayat Qalun iaitu bersumberkan tariq Abi Nashit dari kitab *al-Kafi*, *al-Shatibiyyah*, *Talkhis Ibn Ballimah* dan *al-Tajrid* (al-Mansuri, 2012).

Penjelasan kesahihan bacaan dan tariq turut diaplikasikan oleh al-Dabba' (2004) ketika beliau menjelaskan kesahihan bacaan qasr dan mad huruf Hamzah lafaz (أَنْ رَوَاهُ) untuk riwayat Qunbul. Begitu juga dengan al-Azmiri (2006) dan al-Mutawalli (2006) turut banyak menjelaskan kesahihan wajah Qiraat dalam karya masing-masing.

Kedua: Penjelasan Tentang Bacaan *Qirā'āt* dan *Tarīq* Yang Daif

Elemen penjelasan tentang kedaifan jalur tariq dinyatakan oleh Sa'ied Abd al-Mu'ti melalui ungkapannya (بين ضعيف) (الطرق). Ibrahim al-Jarmi pula memfokuskan kepada kedaifan wajah (bacaan). dengan ungkapan (التنبيه على الأوجه) (الضعيفة).

Contoh aplikasi penjelasan kedaifan wajah bacaan boleh dilihat pada kalimah (هَوْلَاءِ) ayat 31 Surah al-Baqarah yang melibatkan qiraat *Imām* Hamzah ketika *waqaf*. Secara umumnya berdasarkan *Matn al-Shāṭibiyyah*, difahami bahawa Hamzah membacanya dengan 15 wajah (al-Shatibi, 2011). Al-Ḍabbā' (2004) menerangkan bahawa terdapat periwayatan yang menyatakan *Imām* Hamzah membaca *ibdāl hamzah* pertama dengan huruf waw dengan kadar 6 dan 2 harakat. Namun, beliau menegaskan bahawa bacaan tersebut tersangat lemah dan tidak diamalkan.

Ketiga: Peringatan Tentang Bacaan *Qirā'āt* Yang Terkeluar Daripada *Tarīq* Sesuatu Kitab

Elemen ini terkait peringatan tentang kaedah-kaedah bacaan yang terkeluar dari landasan jalur tariq sesebuah karya. Dinyatakan oleh Ibrahim al-Jarmi melalui ungkapannya (التنبيه على الأوجه الخارجة عن طرق كتاب).

Contohnya dapat dilihat melalui penjelasan al-Azmiri ketika menyanggah pandangan al-Mansuri yang menyatakan bahawa wajah *Tarqiq Lam* (الطلاق) + *Tawassut Badal dan Lin* pada ayat 229 Surah al-Baqarah untuk tariq al-Azraq dibenarkan untuk diamalkan kerana wajah ini bersumberkan dari bacaan al-Dani dari beberapa orang gurunya (al-Mansuri, 2012). Al-Azmiri mengingatkan bahawa wajah ini bukan daripada *tariq al-Tayyibah* kerana bacaan *tarqiq* dari tariq al-Dani bukan dari *tariq al-Tayyibah* (al-Azmiri, 2006).



Penjelasan seperti ini turut diaplikasikan oleh al-Mutawalli (2006) ketika menjelaskan bacaan *al-Basmalah* + *Tanpa Takbir* + *Izhar* + *Ghunnah* untuk bacaan Abu Amr daripada jalur al-Ahwazi bahawa ia bukan daripada *tariq Tayyibah al-Nashr*. Begitu juga al-Dabba' (2004) yang menyatakan wajah Sin kalimah (بِصْطَة) untuk Ibn Zakwan bukan daripada *tariq al-Shatibiyyah*.

Keempat: Penjelasan Tentang Keharusan Pengamalan Sesuatu Wajah Bacaan *Qirā'āt*

Elemen penjelasan tentang keharusan sesuatu wajah untuk diamalkan dinyatakan oleh al-Salim al-Jakni dengan ungkapan (بيان الجائز منها حال الإقراء).

Contoh-contoh aplikasi elemen ini dapat dilihat dalam banyak karya antaranya karya al-Mansuri (2012) yang mengharuskan wajah *Idgham Kabir* lafaz (بالبينات ثم) + *Idgham* lafaz (التخذيذ) pada ayat 92 Surah al-Baqarah untuk riwayat Ruwais walaupun sebahagian sarjana lain seperti al-Azmiri (2006) tidak membenarkan wajah tersebut diamalkan. Contoh lain dapat ditanggapi melalui pernyataan Al-Azmiri (2006) ketika menjelaskan bacaan-bacaan pada ayat 201 Surah al-Baqarah untuk riwayat al-Susi: “*Padanya al-Susi 18 wajah, dua wajah daripadanya tidak boleh diamalkan*”.

Kelima: Penjelasan Tentang Penegahan Pengamalan Sesuatu Wajah Bacaan *Qirā'āt*

Elemen penjelasan tentang penegahan sesuatu wajah untuk diamalkan dinyatakan oleh al-Salim al-Jakni dengan ungkapan (بيان الممنوع منها حال الإقراء).

Elemen ini berbentuk penjelasan dan perincian terhadap kaedah bacaan yang ditegah sama ada secara mutlak mahupun pilihan daripada membacanya yang melibatkan *imām-imām* dan *rāwī-rāwī* tertentu. Hal ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti ketiadaan *tarīq* yang meriwayatkan wajah tersebut, lemahnya sanad dan sebagainya. (Wan Muhammad Hafizuddin, 2016)

Contoh aplikasi penegahan wajah bacaan boleh dilihat pada kalimah (هَؤُلَاءِ) ayat 31 Surah al-Baqarah yang melibatkan qiraat *Imām Ḥamzah* ketika *waqaf*. Secara umumnya berdasarkan *Matn al-Shāṭibiyyah*, difahami bahawa Ḥamzah membacanya dengan 15 wajah. Kesemua wajah-wajah tersebut tidak dinyatakan secara jelas oleh al-Shāṭibī sama ada keseluruhan wajah tersebut harus diamalkan atau sebaliknya. Al-Dabbā' (2004) mentaḥrīrkan bahawa terdapat dua wajah yang ditegah membacanya ekoran ketiadaan *tarīq* yang sahih, iaitu:

- Tashīl* kadar 6 harakat pada *hamzah* pertama, diikuti *tashīl* dan *rawm hamzah* kedua dengan 2 harakat.
- Tashīl* kadar 2 harakat pada *hamzah* pertama, diikuti *tashīl* dan *rawm hamzah* kedua dengan 6 harakat.

Contoh lain adalah dalam bab *Hukm mā fī Sūrah Yūnus* pada lafaz (وَلَا تَتَّبِعَانِ), al-Shāṭibī meriwayatkan bacaan Ibn Dzawān dengan mentakhfifkan huruf *tā'*, *fath* huruf *bā'* dan *tashdīd* huruf *nūn*. Namun, bacaan ini dikategorikan oleh al-Dabbā' (2004) sebagai lemah dan ditegah daripada mengamalkannya ekoran al-Shāṭibī sendiri yang mengingatkan tentang kelemahannya berasaskan isyarat lafaz (مَاج). Bacaan yang sahih dan boleh diamalkan adalah *tashdīd bā'*, *kasrah* huruf *tā'* dan *tashdīd* huruf *nūn*.



Contoh lain dapat dilihat melalui penjelasan al-Azmiri ketika menyanggah pandangan al-Mansuri (2012) yang menyatakan bahawa wajah *Tarqiq Lam* (الطلاق) + *Tawassut Badal* dan Lin pada ayat 229 Surah al-Baqarah untuk tariq al-Azraq dibenarkan untuk diamalkan kerana wajah ini bersumberkan dari bacaan Makki kepada Abu al-Tayyib. Al-Azmiri (2006) menjelaskan bahawa wajah ini tiada sandaran bacaan Makki kepada Abi al-Tayyib.

Keenam: Penisbahan Bacaan *Qirā'āt* Kepada Riwayat Dan *Tariq* Yang Sahih

Secara umumnya, elemen ini merujuk kepada penisbahan riwayat bacaan *Qirā'āt* kepada jalur-jalur tariqnya yang sahih sebagaimana ungkapan (بعزو رواية لطرقها الصحيحة) oleh Sami Abd al-Shakur. Abd al-Qayyum al-Sindi, Faridah Sekiou, Bashir Ahmad Di'bis, Ali al-Nahhas dan Jamal al-Din Sharaf mengkhususkan penyandaran kaedah-kaedah bacaan kepada para pembawa bacaan tersebut dengan ungkapan (عزو أوجه القراءة إلى ناقلها). Ia boleh difahami dengan menisbahkan wajah-wajah bacaan tersebut kepada jalur tariq bagi setiap perawi sebagaimana ungkapan (عزو الأوجه) (إلى طرق ذلك الراوي) oleh Muhammad al-Zu'bi, al-Salim al-Jakni dan Ihab Ahmad Fikri. Jalur-jalur tariq pula perlu disandarkan kepada pemilik asalnya sebagaimana dinyatakan oleh al-Dawsari, Khalid Hasan Abu al-Jud dan Muqsim Mukhtar melalui ungkapan (نسبة الطرق إلى أصحابها).

Semua proses penisbahan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt* kepada asal-usulnya dapat direalisasikan dengan penelitian terhadap karya-karya yang menyusunnya sebagaimana yang disebutkan oleh al-Salim al-Jakni dan Abd al-Qayyum al-Sindi sebagai (عزو أوجه القراءات إلى مصنفاتها). Elemen ini penting untuk dilakukan bagi mengenalpasti bacaan yang sahih, daif, boleh diamalkan atau sebaliknya, kaedah-kaedah bacaan yang diterima dan tidak diterima sebagaimana diungkapkan oleh Muhammad al-Sha'bani sebagai (معرفة ما يقبل منها وما لا يقبل). Elemen ini juga berkait dengan kajian sanad asal-usul wajah. Ia sejajar dengan pernyataan Ali al-Nahhas yang mengatakan ilmu tahrirat membahaskan tentang sanad-sanad jalur para tariq daripada para perawi (يبحث في أسانيد الطرق عن الرواة).

Objektif penisbahan wajah kepada asal pembawanya adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyandaran Qiraat kepada selainnya pembacanya (pembawanya). Ini sesuai dengan ungkapan (منع إسناد القراءة لغير) (قارئها) oleh Abd al-Raziq Musa (2008). Contoh elemen ini jelas dapat dilihat dalam karya al-Mansuri (2012) ketika membincangkan ayat 12 Surah al-Baqarah. Beliau menyatakan bahawa wajah *Mad al-Munfasil* + *Ghunnah Lam* untuk riwayat Hafs adalah bersumberkan daripada jalur kitab *Ghayah* Ibn Mihran, *al-Kamil* dan *al-Muntahi*. Manakala al-Azmiri (2006) menyatakan wajah ini adalah daripada *al-Kamil* dan *al-Wajiz* sahaja.

Al-Mutawalli (2006) turut mengaplikasikan elemen ini ketika menjelaskan bacaan *Izhar* + *Qasr Munfasil* + *Fath* (النار) + *Fath* (الدنيا) ayat 201 Surah al-Baqarah untuk riwayat al-Susi adalah dinisbahkan kitab *al-Unwan*, *al-Mujtaba* dan *Kifayah al-Izz*.



8.0 RUMUSAN HASIL DAPATAN

Kajian merumuskan beberapa poin penting iaitu seperti di bawah:

1. Keseluruhan definisi terminologi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* yang dianalisis iaitu sebanyak 26 definisi yang diungkapkan 22 orang sarjana ilmu *qirā'āt* mengandungi pernyataan tentang maksud *tahrīr qirā'āt*, sudut fokusnya, objektifnya, elemen-elemen *tahrīr* yang diisyaratkan secara tersurat mahupun tersirat.
2. *Tahrīr qirā'āt* bermaksud penelitian, penilaian, penyemakan dan pembetulan terhadap bacaan *qirā'āt*. Hal ini selari dengan beberapa ungkapan yang terkandung dalam beberapa teks definisi.
3. Sudut fokus *tahrīr qirā'āt* merangkumi kaedah-kaedah bacaan *qirā'āt*, riwayat-riwayatnya, jalur-jalur tariqnya dan cara-cara merpersembahkan praktikal bacaan al-Quran daripada berlakunya kesalahan, kecacatan dan kesamaran.
4. Objektif *tahrīr qirā'āt* adalah penghindaran bacaan *qirā'āt* daripada unsur-unsur *tarkib* iaitu pertindihan jalur-jalur yang pelbagai dalam sesuatu bacaan *qirā'āt* sebagaimana dinyatakan dalam beberapa teks definisi.
5. Terdapat enam elemen *tahrīr qirā'āt* yang dapat dirumuskan daripada kesemua teks definisi, iaitu:
 - a. Penjelasan tentang bacaan *qirā'āt* dan tariqnya yang sahih
 - b. Penjelasan tentang bacaan *qirā'āt* dan tariqnya yang daif
 - c. Peringatan tentang bacaan *qirā'āt* yang terkeluar daripada tariq sesuatu kitab
 - d. Penjelasan tentang keharusan pengamalan sesuatu wajah bacaan *qirā'āt*
 - e. Penjelasan tentang penegahan pengamalan sesuatu wajah bacaan *qirā'āt*
 - f. Penisbahan bacaan *qirā'āt* kepada jalur riwayat dan tariqnya yang sahih
6. Kesemua elemen ini wujud dan dipraktikkan dalam karya-karya ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* khususnya karya al-Mansuri, al-Azmiri, al-Mutawalli dan al-Dabba'.
7. Kewujudan keenam-enam elemen dalam definisi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* dan menunjukkan definisi-definisi tersebut bersifat komprehensif mencakupi perbincangan ilmu tersebut.
8. Pembuktian aplikasi keenam-enam elemen dalam karya-karya ilmu tersebut membuktikan bahawa fokus perbincangan utama ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* tidak lari daripada enam elemen tersebut.

9.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penulisan ini memperlihatkan enam elemen *tahrīr qirā'āt* yang dirumuskan daripada teks-teks definisi ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* oleh sarjana silam dan kontemporari dan pembuktian aplikasinya dalam karya-karya utama ilmu tersebut. Kelima-lima elemen tersebut juga secara tidak langsung merupakan manifestasi yang menunjukkan fokus utama perbincangan ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt*. Dapatan ini diharapkan memberi impak dalam merungkaikan kekusutan berkaitan persoalan-persoalan yang dibincangkan.

Akhir sekali, bagi melengkapkan lagi dapatan data penulisan ini, penyelidik mencadangkan supaya kajian-kajian mendatang memfokuskan kepada pengkategorian setiap elemen dasar *tahrīrāt* yang terkandung dalam semua definisi tersebut dengan melihat kepada sudut persamaan elemen dan seterusnya dibuat analisis dan penilaian secara terperinci bagi menghasilkan satu definisi baharu ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* yang lebih menyeluruh dan mudah difahami. Hal ini penting untuk para pemula ilmu ini bagi mendapatkan gambaran lebih jelas tentang perbincangan ilmu ini dengan lebih komprehensif.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rāziq Mūsā (2008). *Tadrīb al-Ṭalabah ‘alā Tahrīrāt al-Ṭayyibah*. Kuwait: Ghirrās.
- ‘Āmir ‘Uthmān al-Sayyid (2012). *Faṭḥ al-Qadīr Sharḥ Tanqīḥ Faṭḥ al-Karīm*. ed. ‘Alī Muḥammad Tawfīq al-Naḥḥās. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Azmīrī, Muṣṭafā bin ‘Abd al-Raḥmān (2006). *Badai’ al-Burhan ala ‘Umdah al-‘Irḥān*. Damshik: Dar al-Bayruti.

- _____ (2006). *'Umdah al-'Irfān fī Tahrīr Awjuh al-Qur'ān*. ed. Muḥammad Jābir dan 'Abd al-'Azīz al-Zayyāt. Kaheerah: Maktabah al-Jundī.
- Al-Barmāwī Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn (2007). *Imtā' al-Fuḍalā' bi Tarājim al-Qurrā'*. cet. ke-2. Maḍīnah: Maktabah Dār al-Zamān.
- Bashir Ahmad Di'bis (t.t), *Muhadharat Fi al-Tahrirat Wa al-'Uzw*, Tanta: Kuliyyah al-Quran al-Karim Li al-Qiraat Wa Ulumiha.
- Al-Ḍabbā', Ali bin Muhammad (2004) *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- _____ (2007). *Sharḥ Ithāf al-Bariyyah bi Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah*. ed. Abū al-Khayr 'Umar bin Mālam. Riyadh: Aḍwā' al-Salaf.
- Al-Dānī Abū 'Amr 'Uthmān bin Sa'īd (2006). *Al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'*. Kaheerah: Dār al-Ghad al-Jadīd.
- Al-Dawsari, Ibrahim bin Said (2008). *Mukhtaṣar al-Ibarat li Mu'jam Muṣṭalahāt al-Qiraat* (Riyadh: Dār al-Ḥadharah.
- Ḥāb Aḥmad Fikrī (2010). *Taqrīb al-Ṭayyibah*. cet. ke-2. Kaheerah: Maktabah al-Islāmiyyah.
- Al-Jamzūrī, Sulaymān bin Ḥusayn (2006). *al-Fath al-Raḥmānī Sharḥ Kanz al-Ma'ānī bi Tahrīr Ḥirz al-Amānī*. ed. 'Abd al-Karīm Ibrāhīm. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (2002). *al-Nashr fī al-Qiraat al-Ashr*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Mansuri, Ali bin Sulaiman (2012). *Tahrir al-Turuq wa al-Riwayat*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Mutawallī, Muḥammad bin Aḥmad (2006). *al-Rawḍ al-Naḍīr*. ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.
- Al-Ṣafaqīsī, 'Alī al-Nurī (1999). *Ghayth al-Naf' fī al-Qirā'āt al-Sab'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sha'bānī Muḥammad bin 'Īd (2006). *Sharḥ al-Tahrīrāt al-Marḍiyyah 'alā Matn al-Shāṭibiyyah*. Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah, 2006.
- Al-Shāṭibī al-Qāsim bin Firruḥ (2011). *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*. ed. Muḥammad Tamīmī al-Zu'bī. Kaheerah: Maktabah al-Mawrid.
- Al-'Ubaydī, Ibrahim bin Badwī (2009). *al-Taḥārīr al-Muntakhabah*. ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd. Mesir: Maktabah 'Ibād al-Raḥmān.
- Sabri & Mohd Nurudin (2018). Ilmu Tahrirat: Suatu Pengenalan Awal. Jurnal Qiraat Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS, Vol 1, Bil 1.
- Wan Muhammad Hafizuddin & Sedek Arifin (2016). Bentuk-Bentuk Praktikal *Tahrīrat Al-Qirā'āt* Dalam *Tahrīrat Matn Al-Shāṭibiyyah*: Kajian Terhadap Karya *Mukhtaṣar Bulūgh Al-Ummiyyah* Oleh Al-Ḍabbā'. Jurnal Darul Quran JAKIM.
- Wan Muhammad Hafizuddin (2021). *Ikhtilaf Wujuh Tahrirat al-Qiraat al-Ashr al-Kubra bain Tahrirat al-Mansuri wa al-Azmiri fī Kitabay Tahrir al-Turuq wa al-Riwayat wa Badai' al-Burhan: Dirasah Ta'siliyyah Muqaranah*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Wan Muhammad Hafizuddin et. al (2022). Analisis Variasi Definisi Terminologi Ilmu Tahrirat al-Qiraat. Jurnal Darul Quran JAKIM. Bil 26.